



SIRI BICARA BUKU: POLITIK OPOSISI




BICARA PUSTAKAWAN

**PUSTAKAWAN DAN KECERDASAN BUATAN:
KAWAN ATAU LAWAN?**

**LAWATAN PENANDA ARAS KE PERPUSTAKAAN
SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS, ISTAC**

PEMBUKA BICARA

**PENASIHAT**

Hafiz Abdul Rahim

EDITOR

Zairil Azwan Osman

PEREKA GRAFIK

Nor Suhaiza Zainol

**PENULIS &
JURUFOTO**Pustakawan
Perpustakaan
UNISEL**PENGEDARAN**

Unit LSDM

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Permulaan tahun 2024 ini dimulakan dengan penerbitan Buletin Perpustakaan UNISEL edisi pertama tahun 2024. Pada keluaran pertama ini, Perpustakaan telah mengadakan program Siri Bicara Buku bertajuk Politik Oposisi bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya dan turut bersiaran langsung secara maya di facebook UNISEL LIBRARY. Pembicara pada kali ini ialah Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Naib Presiden Dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Universiti Selangor).

Selain itu, Perpustakaan UNISEL bersama-sama dengan delegasi daripada UNISEL iaitu Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF), JPP, JPA menyertai lawatan penanda aras bagi pembangunan Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas Library, ISTAC. Lawatan ini dibuat adalah bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan suasana di dalam perpustakaan, lawatan penandaarasan adalah langkah yang baik ke arah penambahbaikan berterusan. Akhir sekali, pihak Buletin Perpustakaan UNISEL mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru Cina, semoga tahun 2024 ini seluruh keluarga yang menyambut perayaan ini dipenuhi dengan kebahagiaan dan semua kerja yang dilakukan berjalan dengan lancar.

Salam hormat,

ZAIRIL AZWAN OSMAN

Editor

zairil@unisel.edu.my

ISI KANDUNGAN

Siri Bicara Buku: Politik Oposisi	1
Lawatan Penanda Aras ke Perpustakaan Syed Muhammad Naquib Al-Attas, ISTAC	2
BICARA PUSTAKAWAN : Pustakawan dan Kecerdasan Buatan. Kawan atau lawan?	3
Program Literasi Maklumat	6
Aktiviti Perpustakaan UNISEL	8
Album Pelawat dan Lawatan	15
Ulasan Buku	16
E-Resources	17

Buletin Perpustakaan UNISEL ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan kemudahan dan aktiviti di Perpustakaan UNISEL. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan buletin ini melalui saluran komunikasi berikut:

Editor Buletin Perpustakaan UNISEL
Perpustakaan UNISEL, Kampus Shah
Alam

Jalan Zirkon A7/A, Seksyen 7,
40000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-55223596

Emel: zairil@unisel.edu.my

SIRI BICARA BUKU: POLITIK OPOSISI



Bestari Jaya, 17 Januari | Perpustakaan UNISEL telah mengadakan program Siri Bicara Buku bertajuk Politik Oposisi bertempat di Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya dan turut bersiaran langsung secara maya di facebook UNISEL LIBRARY. Program ini dirasmikan oleh Prof. Dr. Md. Sidin bin Ahmad Ishak, Naib Presiden Dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan Dan Jaringan Industri, Universiti Selangor).

Program Siri Bicara Buku ini dianjurkan oleh Perpustakaan UNISEL. Pembicara pada kali ini ialah Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh, Naib Presiden Dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Universiti Selangor). Moderator yang mengendalikan bicara buku ialah Dr. Ng Ming Yip, Pengarah Residensi Pelajar, Kampus Bestari Jaya.

Buku Politik Oposisi ini merupakan buku yang ditulis oleh Prof. Madya Dr. Hamdan bin Dato' Mohd Salleh dan merupakan naskah yang diambil daripada tesis PhD Dr. Hamdan Mohd. Salleh yang bertajuk Satu Kajian Tentang Kemunculan, Evolusi dan Pengukuhan Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN) Sebagai Sebuah Entiti Parti Politik Oposisi di Malaysia, 1998-2008 yang telah diselesaikan di Universiti Selangor (UNISEL) pada tahun 2013. Buku ini telah diterbitkan oleh UNISEL Press pada tahun 2023 dengan 243 jumlah muka surat.

Siri Bicara Buku ini telah bermula pada tahun 2021 dan ini merupakan penganjuran kali ke 6. Program ini merupakan platform bagi penulis dan pensyarah Unisel mempromosikan selain mengulas idea-idea yang telah diketengahkan dalam penulisan mereka yang mana penerbitan buku-buku ini telah diterbitkan oleh UNISEL Press.

Turut hadir menyeronokkan majlis adalah Encik Hafiz bin Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan, pustakawan, kakitangan Pejabat HEP dan juga Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan para pelajar.



LAWATAN PENANDA ARAS KE PERPUSTAKAAN SYED MUHAMMAD NAQUIB AL-ATTAS, ISTAC



Pada 11 Januari 2024 Perpustakaan UNISEL bersama-sama dengan delegasi daripada UNISEL iaitu Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF), JPP, JPA menyertai lawatan penanda aras bagi pembangunan Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas Library, ISTAC. Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan suasana di dalam perpustakaan, lawatan penandaarasan adalah langkah yang baik ke arah penambahbaikan berterusan serta berkesan sejajar dengan visi dan misi Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil.

Perpustakaan UNISEL diwakili Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan dan Azman Ibrahim, Pustakawan. Antara objektif lawatan ini




adalah perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman di antara staf perpustakaan, melihat suasana tempat kerja dan ruang yang digunakan di dalam Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas, iaitu fokus kepada ruang galeri, pendigitilan bahan dan alat penstabil udara (air humidifier).

Hasil daripada lawatan penandaarasan ini diharap dapat memberikan manfaat serta meningkatkan motivasi kepada delegasi UNISEL yang terlibat disamping dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam meningkatkan mutu kerja dan menjadikan lawatan ini sebagai satu mekanisme bagi membuka minda yang



sihat antara staf yang terlibat untuk lebih bersemangat.

PUSTAKAWAN DAN KECERDASAN BUATAN: KAWAN ATAU LAWAN?



Seiring dengan teknologi terus berkembang dengan pesat, peranan pustakawan semakin berkurang dengan kemampuan kecerdasan buatan (AI). Walaupun AI menawarkan kecekapan dan keselesaan yang luar biasa dalam pengambilan dan pengurusan maklumat, kepakaran pustakawan sangat diperlukan untuk menilai maklumat tersebut dari segi kesesuaian, empati dan sebagainya. Di dalam artikel ini membincangkan hubungan yang berubah antara pustakawan dan AI, menekankan kekuatan dan kelemahan masing-masing dalam landskap pengurusan maklumat yang dinamik.

Kecerdasan buatan telah mengubah banyak aspek kehidupan kita, termasuk cara kita mengakses dan berinteraksi dengan maklumat. Enjin carian, chatbot, dan sistem penyenaian yang dikuasakan oleh AI telah memudahkan proses mencari dan mengatur jumlah data yang besar, menyediakan pengguna dengan pilihan dan cadangan maklumat yang terhad serta berkaitan dengan apa yang diperlukan. Dari teknologi pembantu peribadi seperti Siri dan Alexa kepada algoritma yang canggih yang menggerakkan enjin carian seperti Google, AI telah menjadi alat yang tidak dapat dipisahkan dalam mengemudi alam digital.

Berbeza dengan AI, pustakawan memberikan sentuhan manusia yang tidak terjangkau dalam proses pengambilan maklumat semata-mata. Pustakawan mempunyai pengetahuan yang luas tentang sumber, kaedah penyelidikan, dan literasi maklumat, membolehkan mereka untuk memberikan bantuan dan panduan yang sesuai dengan keperluan pengguna. Mereka mahir dalam memahami keperluan dan keutamaan pengguna, memberi cadangan yang berkaitan, dan memupuk kemahiran berfikir secara kritis yang penting untuk mengemudi

membantu pelajar dengan penyelidikan, membantu pencari kerja dengan penulisan resume, atau menyediakan sumber untuk pembelajaran sepanjang hayat, pustakawan mampu membawa tahap empati dan pemahaman yang penting dalam melayani komuniti yang pelbagai.

Walaupun AI cemerlang dalam memproses jumlah data yang besar dan menjalankan tugas berulang dengan cepat dan tepat, pustakawan mempunyai ke-



landskap maklumat yang semakin kompleks.

Salah satu kelebihan utama pustakawan berbanding AI adalah keupayaan mereka untuk memahami keperluan pengguna dan memberikan sokongan seperti yang diperlukan. Pustakawan berupaya memahami manusia yang tidak dapat disamakan dengan AI, menawarkan telinga yang mendengar, pemahaman, dan dorongan kepada individu yang mencari maklumat dan bantuan. Sama ada

boleh unik untuk menyesuaikan diri dengan keperluan yang berubah dan menerima teknologi yang baru. Pustakawan berada di barisan hadapan inovasi, meneroka alat dan teknologi baru untuk meningkatkan akses dan penghantaran maklumat. Dari penghadaman koleksi dan pelaksanaan pengalaman realiti maya kepada merekabentuk platform pembelajaran dalam talian dan arkib digital, pustakawan memanfaatkan teknologi

untuk memperkayakan pengalaman pengguna dan memperluaskan akses kepada maklumat.

Daripada melihat AI sebagai ancaman, pustakawan semakin bekerjasama dengan pembangun teknologi untuk memanfaatkan kekuatan AI dalam meningkatkan perkhidmatan dan sumber perpustakaan. Dengan menggunakan alat yang dikuasakan AI untuk katalog, mengenali metadata, dan cadangan kandungan, pustakawan dapat memudahkan proses aliran kerja, meningkatkan ketepatan carian, dan meningkatkan kebolehcapaian sumber. Melalui perkongsian strategik dengan pembangun AI dan syarikat teknologi, pustakawan mampu membentuk masa depan pengurusan maklumat dan memastikan bahawa perpustakaan kekal relevan dalam zaman digital.

Dalam perdebatan berterusan antara pustakawan dan AI, jelas bahawa kedua-dua memainkan peranan yang melengkapkan dalam landskap pengurusan maklumat yang sentiasa berubah. Walaupun AI menawarkan kecekapan dan kebolehpasaran dalam memproses dan mengatur data, pustakawan membawa sentuhan manusia, empati, dan kepakaran yang penting dalam melayani komuniti yang pelbagai dan memupuk pembelajaran sepanjang hayat. Dengan menerima kerjasama, inovasi, dan ketangkasan, pustakawan dapat memanfaatkan kekuatan AI untuk meningkatkan perkhidmatan dan sumber perpustakaan sambil mengesahkan peranan mereka yang tidak dapat digantikan sebagai penjaga pengetahuan dan penyokong kebebasan intelektual.



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



04 JANUARI 2024 | Program Literasi Maklumat, modul APA Citation Style (7th ed.).
Dihadiri oleh 15 orang pelajar untuk subjek Pengurusan Pusat Sumber untuk Program
ISM PAKK (kursus elektif) bertempat di LR 2, Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.



05 JANUARI 2024 | Program Literasi Maklumat, modul APA Citation Style (7th ed.).
Dihadiri oleh 76 orang pelajar untuk subjek Final Year Project I (IAS3232)
bertempat di Bilik Seminar Siddiq Fadzil, Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

PROGRAM LITERASI MAKLUMAT



12 JANUARI 2024 | Program Literasi Maklumat, Online Database & Free Access Collection for Literature dan Citation Style 7th ed. Dihadiri oleh 5 orang pelajar separuh masa dari Fakulti Perniagaan dan Perakaunan.



22 JANUARI 2024 | Program Literasi Maklumat, modul APA Citation Style (7th ed.). Dihadiri oleh 20 orang pelajar dari Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial bertempat di Mini Theater, Perpustakaan UNISEL Kampus Bestari Jaya.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



11 JANUARI 2024 | Perpustakaan bersama-sama dengan delegasi daripada UNISEL iaitu Institut Pemikiran dan Kepemimpinan Siddiq Fadzil (IPKSF), JPP, JPA menyertai lawatan penanda aras bagi pembangunan Perpustakaan Peringatan Siddiq Fadzil di Perpustakaan Syed Muhammad Naquib al-Attas Library, ISTAC. Perpustakaan diwakili Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan dan Azman Ibrahim, Pustakawan. Fokus lawatan ini adalah ruang galeri, pendigitilan bahan dan alat penstabil udara (air humidifier).



16 JANUARI 2024 | Sesi Pembentangan Perancangan Fasa Akhir Projek Pengorganisasian Bahan Pusat Sumber IDE telah diadakan di Institut Darul Ehsan. Pembentangan ini disampaikan oleh Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan UNISEL. Turut sama dalam sesi ini ialah Fara Nur Izwana Ismail, Pustakawan yang juga penyelaras projek dan juga Siti Suriani Misran, Pustakawan yang juga penolong penyelaras projek. Bagi pihak IDE, sesi ini dihadiri Encik Khairul Arifin Mohd Munir, Pengurus Kanan IDE dan Ustaz Zulkifli Abdul Rahman.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



26 JANUARI 2024 | Perpustakaan menerima buku sumbangan dari wakil Dewan Bahasa & Pustaka.



29 JANUARI 2024 | Mesyuarat Perpustakaan UNISEL Edisi Januari 2024 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Siddiq Fadzil, Perpustakaan UNISEL. Antara agenda mesyuarat adalah pembentangan pencapaian setiap unit untuk tahun 2023 dan membincangkan rancangan aktiviti dan pembaharuan yang akan dilakukan pada tahun 2024.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



31 JANUARI 2024 | Perpustakaan UNISEL hari ini menganjurkan program Memartabatkan Pemikiran Siddiq Fadzil kali kedua. Program bermula pada jam 10.00 pagi hingga 11.00 pagi. Tajuk program kali ini adalah Pemikiran Maqasid Al—Shariah Siddiq Fadzil. Program ini akan diteruskan secara berkala pada setiap bulan dengan siri ke-3 pada bulan Februari 2024.



02 FEBRUARI 2024 | Mesyuarat Perkembangan Projek Pengorganisasian Bahan Pusat Sumber IDE.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



06 FEBRUARI 2024 | Menjelang sambutan Tahun Baharu Cina yang akan disambut pada 10 Februari 2024 hingga 11 Februari 2024, Perpustakaan Universiti Selangor turut bersama- sama memeriahkan sambutan perayaan ini dengan mengadakan satu pameran bertema berkaitan Tahun Baharu Cina bermula 06 Februari hingga 16 Februari 2024. Pameran bertema ini ditempatkan di Aras Bawah Perpustakaan, Kampus Bestari Jaya.

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



14 FEBRUARI 2024 | Sekitar sesi bual Bicara Buku bertajuk 'Politik Oposisi' yang diadakan di Perpustakaan UNISEL, dua orang peserta telah mengajukan soalan kepada pembicara tentang buku yang dibincangkan. Kedua-dua peserta tersebut telah diberikan sebuah buku yang ditulis oleh Prof Madya Dr. Hamdan Bin Dato' Mohd Salleh, iaitu penulis buku 'Politik Oposisi'. Wakil dari pihak perpustakaan telah membuat serahan kepada Dr. Saibah Sarigar, Pejabat Pemasaran dan Kemasukan serta Encik Muhammad Al Hafiz Abd Rahaman, Pengarah Pusat Kegiatan Pelajar dan Jaringan Komuniti (COMNET). Lebih istimewa buku ini telah ditandatangani sendiri Prof. Dr. Md. Sidin Bin Ahmad Ishak, Naib Presiden Dan Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan Dan Jaringan Industri, Universiti Selangor) dan Prof Madya Dr. Hamdan Bin Dato' Mohd Salleh, Naib Presiden Dan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti, Universiti Selangor).

AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



23 FEBRUARI 2024 | Sesi rakaman taklimat Perpustakaan bagi program MTS sesi April 2024.

23 FEBRUARI 2024 | Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan bahan bacaan berbentuk buku dalam pelbagai bidang daripada Tuan Kamal Shukri bin Abdullah Sani, Mantan Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Matrikulasi, Kementerian Pelajaran Malaysia dan merupakan Timbalan Presiden, Persatuan Linguistik Malaysia di Taman Kajang Raya, Kajang. Penerimaan sumbangan ini diterima oleh wakil dari Perpustakaan UNISEL iaitu En. Hafiz Abdul Rahim, Ketua Perpustakaan dan En. Azman Ibrahim, Pustakawan. Terima kasih atas sumbangan buku-buku tersebut dan berharap agar dapat dimanfaatkan untuk kegunaan warga UNISEL.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN UNISEL



29 FEBRUARI 2024 | Perpustakaan UNISEL telah menerima sumbangan buku Karya Agung terbitan Yayasan Karyawan yang mana telah melantik Koperasi Dewan Bahasa dan Pustaka untuk membuat pengedaran kepada institusi terpilih. Penerimaan sumbangan ini diterima oleh Pn. Fara Nur Izwana Ismail, Pustakawan. Terima kasih atas sumbangan buku-buku tersebut dan berharap agar dapat dimanfaatkan untuk kegunaan warga UNISEL.

ALBUM PELAWAT DAN LAWATAN




08 FEBRUARI 2024 | Perpustakaan UNISEL menerima kunjungan daripada pelajar Tingkatan 3 dan Tingkatan 4 serta 5 orang guru pengiring, SMK Kampung Soeharto Kuala Kubu Bharu, Selangor.




20 FEBRUARI 2024 | Perpustakaan UNISEL Kampus Shah Alam telah menerima lawatan dari panel MQA bagi program Sarjana Komunikasi Strategik dan Reka Bentuk Digital. Turut mengiringi lawatan Ts. Rasidah Sardi, Timbalan Pengarah Corporate Governance

ULASAN BUKU

Title: Behavioral Operational Research: A Capabilities Approach
Editor: Jonathan Malpass, Martin Kunc, Katharina Burger, Leroy White
ISBN: 9783030254056
Call No: T57.6 B34 2020
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2020
Edition: -



This edited collection addresses the question of which capabilities and competencies enable Behavioral Operational Research to provide sustained improvement to decision processes. The aim is to show how a focus on capability and competency will not only meet short-term requirements for problem solving and decision support, but also build a solid foundation for the future. The contributors present recent advances in Behavioral OR, with a focus on the ways in which users of models deal with incomplete and imprecise information, subjective boundaries and uncertainty.




Judul: Doa ahli syurga
Penulis: Mohd Shafie Hashim
ISBN: 9789830973692
No. Panggilan: BP183.3.M374 2012
Lokasi: Tingkat 1, Perpustakaan Unisel Kampus Shah Alam
Tahun Terbitan: 2012
Edisi: -



Buku 'Doa Ahli Syurga' ini mengandungi himpunan doa-doa terpilih beserta keterangan yang amat sesuai untuk diamalkan dalam kehidupan seorang Muslim pada setiap masa dan juga waktu-waktu yang tertentu.

Title: Human and organisational factors: practices and strategies for a changing world
Editor: Benoît Journé, Hervé Laroche, Corinne Bieder, Claude Gilbert
ISBN: 9783030256395
Call No: T55.H97 2020
Location: Shah Alam campus and Bestari Jaya Campus (E-BOOK)
Year of Publication: 2020
Edition: -



This open access book addresses several questions regarding the implementation of human and organisational factors (HOF) so that recent improvements in industrial safety can be built upon. It addresses sources of frustration in senior management with high expectations of operational recommendations and disquiet on the part of HOF specialists struggling to have an impact on high-level decision making. The brief explores these issues with an emphasis on examples and lessons learned based on the experience of its authors, who come from different academic disciplines and various industrial sectors such as oil and gas, energy and transportation. It then offers some ways forward for a better consideration of HOF in hazardous companies with a view of promoting safety and facing challenges in a rapidly changing world.

E-RESOURCES

ACADEMIC ONEFILE

More than 18,000 periodicals including 12,500 peer-reviewed journals

Need any help, please come to the library, send us an email or call us

Business & Management - Communication & Mass Media - Education - Engineering - Information Technology - Computer Science - Environmental Science - Health Sciences and others

Multi-disciplinary | User friendly platform | Rich in content

Click for easy access to articles aligned to major topics of study | Spend less time searching and more time digging in | More than 20,000 titles available, with scholarly and peer reviewed journals

BESTARI JAYA CAMPUS
PN.NUR ADNA BINTI RODUAN
nur_adna@unisel.edu.my
+603- 3280 5081

SHAH ALAM CAMPUS
EN.ZAIRIL AZWAN BIN OSMAN
zairil@unisel.edu.my
+603- 5522 3596

Unisel Library
<http://library.unisel.edu.my>

Academic OneFile

Emerald Publishing Limited

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Education eJournals
2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Educational administration and leadership
- Vocational education and training
- Higher education
- Sustainability in higher education
- Technology in education
- Global and comparative education
- Curriculum development and assessment
- Health education
- Work-based learning
- Distance learning

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
HR, Learning & Organization Studies eJournals
2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- The future of trade unions
- Performance management
- Workforce location
- Work engagement
- Remote workforce
- Cross-cultural employment
- Workplace diversity
- Workplace bullying
- Learning in development
- The impact of events on the labour force

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.

unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Access content at:
<https://login.ezproxy.unisel.edu.my/login>

Contact us at :
Bestari Jaya Campus
Nur Adna binti Roduan
nur_adna@unisel.edu.my
03-32805081

Shah Alam Campus
Zairil Azwan B. Osman
zairil@unisel.edu.my
03-55223596

unisel library | Facebook | Instagram | YouTube | TikTok

emerald insight
Business, Management & Strategy eJournals
2023

Click [HERE](#) to find out more about the journal titles

Discover how the subject experts in your field have explored the biggest topics:

- Management for performance
- Strategic orientation
- Cultural studies/globalisation
- Innovation and entrepreneurial strategies
- Organisational behaviour
- Business ethics and law
- Contract management
- Business leadership
- Emerging markets
- Family business

emerald PUBLISHING

If you are unable to access remotely please contact your university library for assistance.



**NEED
HELP?**

unisel library

CONNECT WITH US

<http://library.unisel.edu.my>
sirkulasi@unisel.edu.my
 chat with a Librarian

If you have a question or need help with your research or assignment or want to keep up to date with latest news & updates

03-55223566 CUSTOMER SERVICE SHAH ALAM CAMPUS		03-55223596 REFERENCE SERVICE SHAH ALAM CAMPUS
03-32805081/5080 BJ CAMPUS		

<http://library.unisel.edu.my>

[f](#)
[i](#)
[t](#)
[y](#)
[v](#)
[x](#)

FOLLOW US: UNISEL LIBRARY